

# **SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**

## **INTAKE JULAI 2020**

---



**04 JULAI , 2020**

---

**KOLEJ POLY-TECH MARA KUANTAN  
KM 8, JLN GAMBANG  
25150 KUANTAN  
PAHANG  
TEL: 09-5366701 FAX: 09-5366515**

## A. PENDAFTARAN

### 1) Apakah yang diperlukan untuk pendaftaran?

Pelajar wajib membuat pendaftaran di [eregister.kptm.edu.my](http://eregister.kptm.edu.my) dan memuatnaik sendiri semua dokumen pelajar sebelum hadir pendaftaran pada 4 Julai 2020.

### 2) Bilakah tarikh akhir dokumen perlu dihantar jika, terdapat dokumen yang masih tidak lengkap?

Dokumen set 1 yang tidak lengkap perlu dihantar ke kaunter akademik (SPRS) selewat-lewatnya **1 Ogos 2020** (sebulan dari tarikh rasmi pendaftaran kediaman).

### 3) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran?

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej. Walaubagaimanapun, mulai sesi 0720 pendaftaran pelajar adalah secara atas talian dan pelajar perlu membuat pengesahan bayaran terlebih dahulu.

### 4) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?

TIDAK BOLEH. Tawaran dengan sendirinya akan terbatas sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran.

### 5) Dokumen Set 1 saya masih ada yang tidak lengkap dan saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar?

Boleh. Tetapi anda perlu melengkapkan segala keperluan dokumen ini dalam masa sebulan dari tarikh rasmi pendaftaran kediaman.

### 6) Bolehkah saya membuat pertukaran program atau kolej setelah melapor diri?

Boleh. Walaubagaimanapun bergantung kepada syarat kelayakan untuk program tersebut dan kekosongan tempat serta atas kelulusan pihak kolej. Pertukaran program boleh dibuat di kaunter akademik (SPRS).

### 7) Apa yang perlu dilakukan sekiranya pelajar ingin menarik diri selepas selesai pendaftaran?

Pelajar perlu memaklumkan kepada petugas/kakitangan pejabat akademik (SPRS) untuk melengkapkan Borang Berhenti. Bagi pelajar yang memilih mode pembelajaran atas talian, pelajar boleh email permohonan berhenti kepada pihak SPRS.

**Pegawai yang bertanggungjawab:**

**Pn Fadhilah binti Abdullah,**

**Penolong Pengarah Sektor Pendaftaran Rekod dan Statistik**

**No Telefon: 09-5366701 samb 230**

**Email: [fadhilah@gapps.kptm.edu.my](mailto:fadhilah@gapps.kptm.edu.my) / [sppsprsktn@gapps.kptm.edu.my](mailto:sppsprsktn@gapps.kptm.edu.my)**

## B. PROGRAM I LOVE KPTM KUANTAN / AKTIVITI PELAJAR

### 1) Bilakah sesi program I love KPTM bermula dan tamat?

Sesi orientasi bermula pada 5 Julai 2020 jam 9.00 pagi - jam 6.00 petang secara atas talian (Online).

### 2) Bolehkah saya tidak mahu terlibat dengan sesi program I love KPTM?

Tidak boleh. Semua pelajar baharu DIWAJIBKAN mengikuti sesi orientasi secara atas talian(Online) yang ditetapkan oleh pihak kolej. Urusetia orientasi akan memaklumkan segala pergerakan dan makluman orientasi dari semasa ke semasa selepas pendaftaran.

### 3) Apakah bentuk-bentuk aktiviti pelajar (Ko-kurikulum) yang dijalankan oleh pihak KPTM Kuantan?

Antara aktiviti –aktiviti Ko-Kurikulum yang ada di KPTM Kuantan ialah seperti sukan, Unit beruniform & persatuan.

### 4) Bagaimana cara pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum?

Pelajar boleh menghadiri perjumpaan bersama penasihat kelab dan persatuan yang terdapat di KPTM Kuantan.

### 5) Bagaimana caranya pelajar dapat menggunakan kemudahan sukan yang disediakan?

Pelajar boleh datang ke kaunter HEP untuk membuat permohonan peminjaman peralatan sukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

**Pegawai yang bertanggungjawab:**

**Mohd Azamuddin bin Ceh Embi**

**Penolong Pengarah (Ko-Kurikulum)**

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Strategik**

No Telefon: 09-5366701 samb 216 / Email: [azamuddin@gapps.kptm.edu.my](mailto:azamuddin@gapps.kptm.edu.my)

**Kamarunizam B. Kamarudin**

**Penolong Pengarah (Kaunseling & Kerjaya Pelajar)**

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Strategik**

No Telefon: 09-5366701 samb 221 / Email: [kamarulnizam@gapps.kptm.edu.my](mailto:kamarulnizam@gapps.kptm.edu.my)

## C. PINJAMAN PELAJARAN MARA/PTPTN

### 1) Adakah tajaan pelajaran MARA/PTPTN ini biasiswa atau pinjaman?

Tajaan pelajaran MARA adalah pinjaman pelajaran boleh ubah kepada yang layak. Manakala tajaan pelajaran PTPTN merupakan pinjaman yang perlu dibayar balik setelah tamat pengajian.

### 2) Bolehkah saya memohon pinjaman MARA/PTPTN bagi membiayai pengajian di KPTM? Apakah syarat dan kelayakan pelajar untuk memohon pinjaman MARA/PTPTN?

Boleh. Bergantung kepada kursus serta syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MARA/PTPTN. Ia juga bergantung kepada kelulusan oleh pihak MARA/PTPTN.

\* Syarat-Syarat Pinjaman MARA

a) Kelayakan SPM dan pelajar berstatus Bumiputera

Bagi program Kejuruteraan

- i. Lulus BM dan Sejarah.
- ii. **Minima 3 Kredit** termasuk
  - Matematik
  - 1 Kredit subjek dalam kumpulan Sains/Teknikal/Sains Tambahan/Matematik Tambahan/Subjek Teknikal.
  - 1 Kredit mana-mana subjek.

Bagi Program Human Resource, Accounting dan Business Management.

- i. Lulus BM dan Sejarah
- ii. **Minima 3 Kredit** mana-mana subjek

b) Pendapatan sosio ekonomi keluarga untuk permohonan MARA

Jumlah Pendapatan (RM) sebulan	Deskripsi
RM 0 – RM 8,000	Layak yuran pengajian penuh dan elaun sara diri
RM 8,001 – RM 15,000	Pinjaman sebahagian (Yuran pengajian SAHAJA)

c) Status Bumiputera Ibu Bapa

Pelajar dan salah seorang ibu atau bapa berketurunan Melayu/ berstatus bumiputera (Semenanjung, Sabah atau Sarawak) dan Warganegara Malaysia

\* Syarat-Syarat Pinjaman PTPTN

a) Kelayakan SPM

Kepujian 3 subjek. Syarat Memasuki program adalah sama dengan syarat permohonan PTPTN.

b) Pendapatan sosio ekonomi keluarga

Jumlah Pendapatan (RM) sebulan	Deskripsi
RM 0 – RM 4,000 (Penerima BR1M)	Pinjaman Penuh
RM 0 – RM 8,000 (Bukan Penerima BR1M)	Pinjaman 75%
RM 8,001 ke atas (Bukan Penerima BR1M)	Pinjaman 50%

**2) Jika ibu bapa saya telah disenarai hitam (*blacklist*) oleh MARA, adakah saya masih layak membuat permohonan online MARA?**

Ibu bapa perlu menyelesaikan terlebih dahulu tunggakan hutang sebelum pelajar boleh membuat permohonan MARA. Jika masih tiada bayaran dibuat, sistem permohonan MARA (MyEduloan) akan menyekat permohonan online pelajar. Ibu bapa boleh menghubungi Bahagian Kawalan Kredit MARA di talian berikut: 03-26132131/32133/32136/32178/32192/32286/32288/32399

**3) Adakah pinjaman pelajaran MARA / PTPTN termasuk yuran pengajian dan asrama? Berapakah jumlah pinjaman yang diberikan?**

Tidak. Pinjaman pelajaran MARA hanya merangkumi yuran pengajian sahaja. Yuran asrama ditanggung sepenuhnya oleh pihak pelajar. Bagi pinjaman PTPTN, jumlah yang akan diperolehi digunakan untuk memjelaskan yuran pengajian sahaja dan pelajar perlu menampung sebahagian lagi yuran pengajian dan yuran lain. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman bagi MARA/PTPTN bergantung sepenuhnya kepada taraf sosio ekonomi keluarga.

**4) Alternatif lain sekiranya saya TIDAK LAYAK mendapat pinjaman/bantuan?**

Pelajar boleh memohon ke mana-mana pusat zakat negeri/ pusat baitulmal (bergantung kepada negeri kelahiran/tempat tinggal pelajar masing-masing). Walau bagaimanapun, jumlah bantuan yang diberikan bergantung sepenuhnya kepada pusat zakat / institusi yang dipohon.

**5) Bilakah saya boleh memohon tajaan MARA/PTPTN?**

Bagi tajaan MARA, Pihak Tajaan KPTMKTN akan memaklumkan tarikh permohonan online setelah sistem MyEduloan di buka oleh pihak MARA. Sistem MyEduloan akan dibuka dalam masa-masa tertentu sahaja dan pelajar perlu mengambil maklum terhadap memo dan notis dari pihak tajaan KPTMKTN dari masa ke semasa.

Bagi tajaan PTPTN, pelajar boleh membuat permohonan online bila-bila masa tetapi perlu merujuk kepada pihak tajaan KPTMKTN untuk mengetahui tarikh kelulusan yang telah ditetapkan oleh PTPTN.

**6) Apakah dokumen yang perlu saya sediakan untuk memohon online MARA?**

Pelajar perlu menyediakan dokumen berikut:

- a. Salinan KP pelajar, ibu, bapa dan penjamin
- b. Slip gaji/pengesahan pendapatan ibu dan bapa (Terkini)
- c. Salinan Buku akaun CIMB Bank
- d. Salinan keputusan SPM

**7) Apa yang perlu saya sediakan sebelum saya membuat permohonan online PTPTN?**

Sila sediakan perkara berikut sebelum membuat permohonan online PTPTN:

- a. Beli no PIN PTPTN di BSN (RM5.00)
- b. Buka akaun SSPNi di pejabat PTPTN (RM20.00)
- c. Buka Akaun BIMB (Jika belum ada)

**8) Jika sistem MARA dibuka, saya perlu buat sendiri atau pihak tajaan boleh bantu saya?**

Pihak tajaan akan menyediakan panduan permohonan dan slot permohonan online di makmal komputer kolej. Slot masa permohonan akan dimaklumkan kepada pelajar.

**9) Apakah syarat untuk kekal ditaja MARA/PTPTN? Saya risau jika pointer saya tak mencapai keputusan yang ditetapkan?**

MARA akan melihat kepada CGPA (Himpunan Markah Keseluruhan) bagi setiap semester. Pelajar perlu mengekalkan CGPA 2.50 atau setara sepanjang tempoh pengajian. Jika gagal, pihak MARA akan menggantung sementara tajaan pelajar bagi semester berikutnya.

PTPTN akan melihat kepada GPA (Himpunan Markah Semester Semasa). Pelajar perlu mengekalkan GPA 2.00 untuk kekal ditaja. Jika gagal, pihak PTPTN akan menggantung sementara tajaan pelajar bagi semester berikutnya.

**10) Apakah dokumen yang diperlukan jika ingin memohon pengeluaran KWSP untuk pembayaran yuran dan asrama?**

- a) Surat pengesahan tajaan (Seksyen Tajaan akan keluarkan)
- b) Surat Perakuan MQA & KPT (Seksyen Tajaan akan sediakan dan sahkan)
- c) Salinan resit pembayaran (perlu disahkan oleh PPKEW)
- d) Salinan invoice semester semasa (perlu disahkan oleh PPKEW)
- e) Salinan Kad Pengenalan pelajar (perlu disahkan oleh PP Tajaan)
- f) Salinan Sijil kelahiran pelajar- bg pelajar Sem1 (perlu disahkan oleh PPT)
- g) Salinan Surat Tawaran pelajar- bg pelajar Sem1 (perlu disahkan oleh PPT)
- h) Salinan SPM (Sem1)/ keputusan terkini (sem2 keatas) (perlu disahkan oleh PPT)

**Pegawai yang bertanggungjawab:**

**En Razif bin Razali**

**Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kewangan**

No Telefon: 09-5366701 samb 205 /Email: [razif@gapps.kptm.edu.my](mailto:razif@gapps.kptm.edu.my) / [tajaankptmktn@gmail.com](mailto:tajaankptmktn@gmail.com)

## D. ASRAMA

**1) Adakah pihak kolej akan menyediakan pengangkutan dari asrama ke kolej? Jika ada, berapa bayaran yang dikenakan?**

Memandangkan asrama KPTM Kuantan terletak di dalam kawasan kampus, maka kenderaan untuk ke kolej tidak disediakan.

**2) Bolehkah saya membawa kenderaan ke asrama?**

Tidak boleh. Pelajar baharu dan pelajar semester 2 **TIDAK** dibenarkan membawa kenderaan sendiri ke asrama.

**3) Adakah pihak kolej akan menyediakan penginapan asrama sepanjang 2 tahun 4 bulan bagi tempoh pengajian?**

Tidak. Pihak kolej hanya menyediakan penginapan selama **tiga (3) semester sahaja (tertakluk kepada keadaan semasa pengambilan pelajar bagi setiap semester)**. Walaubagaimanapun, sekiranya ada kekosongan, pelajar boleh memohon untuk terus tinggal di asrama.

**4) Apakah kelengkapan yang disediakan oleh pihak kolej? Berapakah bilangan pelajar / bilik?**

Pihak kolej hanya menyediakan katil, tilam, almari , meja tulis dan kerusi sahaja kepada pelajar. Pelajar perlu membawa kelengkapan yang lain. Satu bilik boleh memuatkan 2 orang pelajar / bilik, 3 orang pelajar/bilik, dan 4 orang pelajar/ bilik

**5) Adakah yuran asrama (RM140/bulan) merangkumi duit makan dan minum pelajar?**

Tidak. Makan minum pelajar ditanggung sepenuhnya oleh pelajar sendiri. Walaubagaimanapun, pelajar boleh menggunakan cafeteria yang disediakan di dalam kampus atau sekitarnya dan juga kedai makan berhampiran di kolej untuk urusan tersebut.

**6) Adakah pelajar dibenarkan pulang pada hujung minggu? Apakah prosedurnya?**

-Pelajar dibenarkan pulang pada hujung minggu sekiranya tiada apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kolej dan pihak kediaman.  
-Prosedur untuk pulang, pelajar hanya perlu mengisi kad kebenaran untuk bermalam diluar asrama (kad kuning) dan perlu dihantar ke pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar 3 hari sebelum tarikh untuk pulang bagi mendapatkan pengesahan Penyelia Asrama. Kad yang telah ditandatangan oleh Penyelia Asrama perlu diserahkan di Pos Pengawal Utama sebelum melangkah keluar dari kawasan kolej

**7) Bolehkan pelajar membawa peralatan elektrik di asrama?**

Boleh. Pelajar perlu membuat pendaftaran bagi barang-barang elektrik yang dibawa. Peralatan elektrik yang dibenarkan untuk dibawa ke asrama serta jumlah yuran pendaftaran yang dikenakan boleh dirujuk di dalam Buku Panduan dan Peraturan pelajar KPTM yang boleh dicapai/dimuat turun melalui laman sesawang KPTM Kuantan.

**8) Adakah pelajar dibenarkan keluar dari kawasan asrama/kolej (outing) dan sehingga jam berapa perlu masuk semula?**

Ya. Pelajar boleh keluar '/outing' sehingga jam 11.00 malam setiap hari. Pelajar perlu menyerahkan kad keluar masuk pelajar (kad pink)/ 'thumbprint' di post pengawal utama sebelum melangkah keluar dari kawasan kolej dan mengambil semula kad/ 'thumprint' semasa pulang ke kampus sebelum jam 11.00 malam setiap hari. Pelajar juga perlu membuat saringan suhu di Pos Pengawal Utama sebelum melangkah keluar dari kawasan kolej dan semasa pulang semula ke kolej.

**Pegawai yang bertanggungjawab:**

**Pn Zulliana bt Mohamad**

**Penolong Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Strategik**

**No Telefon: 09-5366701 samb 206 /Email: zulliana@gapps.kptm.edu.my**

## E. AKADEMIK

### 1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?

Sila rujuk Kalendar akademik di Lampiran. Kalendar akademik juga boleh dirujuk di laman web [www.kptm.edu.my](http://www.kptm.edu.my)

### 2) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?

Pembelajaran & Pengajaran (PnP) dijalankan secara "face to face" atau "online" mengikut pilihan pelajar semester satu semasa pendaftaran (e-registration). Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada penasihat akademik (mentor) masing-masing berkenaan pendaftaran kursus dan jadual kuliah.

### 3) Adakah kesemua program pengajian di KPTM mendapat pengiktirafan MQA?

Semua program di KPTM Kuantan mendapat pengiktirafan MQA.

### 4) Ketidakhadiran

- i. Pelajar wajib hadir pada setiap kuliah bagi semua kursus yang didaftar.
- ii. Pelajar yang tidak hadir ke kuliah disebabkan kesihatan mesti mengemukakan sijil cuti sakit daripada Pegawai Perubatan kepada Pensyarah Kursus dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh ketidakhadiran.
- iii. Pelajar yang tidak hadir ke kuliah selain dari sebab kesihatan hendaklah mengemukakan sebab munasabah secara bertulis kepada Pensyarah Kursus.
- iv. Pensyarah Kursus akan mengeluarkan surat ketidakhadiran kepada pelajar yang tidak hadir tanpa sebab, mengikut ketetapan berikut :

Ketidakhadiran	Tindakan
Ketidakhadiran dari 7% hingga 13%	Surat Ketidakhadiran 1
Ketidakhadiran dari 14% hingga 20%	Surat Ketidakhadiran 2
	Surat Halangan Menduduki Peperiksaan Akhir
Ketidakhadiran 21% dan ke atas	Bagi kursus yang tiada Peperiksaan Akhir, penilaian kerja kursus akan diberikan status "BAR" dengan nilai gred "0.00"

- v. Pelajar yang dihalang menduduki Peperiksaan Akhir boleh mengemukakan rayuan bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatafertib Akademik Pelajar (JKRTAP).
- vi. Pelajar yang tidak hadir kuliah dalam tempoh yang lama (dua minggu kuliah berterusan) tanpa apa-apa notis akan diberi status Gugur Nama (WFC) dari senarai kuliah dengan diputuskan oleh Jawatankuasa Akademik (JKA)

**5) Jadual kuliah**

Pelajar boleh menyemak jadual kuliah didalam portal pelajar <http://cmsktn.kptm.edu.my> dan <http://spmpkn.kptm.edu.my>

**6) Mentor-mentee**

Setiap pelajar akan diberikan seorang Mentor sepanjang tempoh pelajar belajar di KPTM Kuantan dan diperkenalkan semasa sesi orientasi berjalan. Sesi mentor-mentee akan dijalankan pada setiap hari Khamis pada jam 12.00 – 1.00 tengahari.

**7) Bilakah cuti semester pelajar**

Sila rujuk Kalender Akademik di Lampiran atau di laman web [www.kptm.edu.my](http://www.kptm.edu.my)

**8) Bilakah Peperiksaan Akhir?**

Sila rujuk Kalender Akademik di Lampiran atau di laman web [www.kptm.edu.my](http://www.kptm.edu.my)

**9) Jika terdapat urusan kecemasan, adakah dibolehkan untuk mengambil peperiksaan?**

**Peperiksaan Khas boleh diadakan merangkumi perkara-perkara berikut:**

- i. Pelajar yang jatuh sakit semasa Peperiksaan Akhir dan mendapat Sijil Cuti Sakit daripada Pegawai Perubatan.
- ii. Pelajar yang menghadapi bencana alam
- iii. Pelajar yang kematian ahli keluarga terdekat
- iv. Pelajar yang perlu memberi penjagaan rapi kepada waris (ibubapa/suami/isteri yang mengalami sakit tenat
- v. Sebab-sebab lain yang boleh diterima pihak Kolej dan mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah / TPA

Semua permohonan menduduki Peperiksaan Khas hendaklah dikemukakan oleh pelajar secara bertulis dengan mengisi Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan Khas berserta dokumen sokongan kepada Pengarah/TPA dalam tempoh tiga (3) hari dari pelajar tidak hadir ke peperiksaan kursus tersebut KECUALI bagi perkara (v), permohonan perlu dihantar selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum Peperiksaan Akhir bermula. Peperiksaan Khas akan diadakan pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh SENAT.

**10) Adakah ibu-bapa boleh mengetahui kehadiran pelajar ke kuliah?**

Jika pelajar tidak menghadiri kuliah mengikut peratusan yang telah ditetapkan, Surat amaran ketidakhadiran pelajar akan dihantar kepada pihak ibubapa.

**11) Bagaimanakah ibu-bapa boleh mengetahui prestasi anak-anak mereka?**

Pihak ibubapa boleh menghubungi Mentor pelajar bagi mengetahui prestasi anak-anak mereka.

Pegawai yang bertanggungjawab:

Pn Mardiah bt Abu Khari

Penolong Pengarah Sektor Penjadualan dan Peperiksaan

No Telefon: 09-5366701 samb 219 / Email: [mardiah@gapps.kptm.edu.my](mailto:mardiah@gapps.kptm.edu.my)

## **F. BAYARAN HOSTEL / YURAN PENGAJIAN**

**1) Bilakah bayaran hostel perlu dijelaskan?**

Sebulan sebelum menduduki peperiksaan akhir semester

**2) Bolehkah bayaran dibuat secara ansur-ansur.**

Boleh, bayaran boleh dibuat secara bulanan dan perlu jelas sebulan sebelum menduduki peperiksaan akhir semester

**3) Apa tindakan kolej sekiranya pelajar masih berhutang?**

Pelajar perlu berjumpa dengan pihak Jabatan Kewangan untuk mendapatkan khidmat nasihat pembayaran yuran secara berjadual

**4) Bagaimana pembayaran perlu dibuat?**

Bayaran boleh dibuat melalui fpx (Layari website <https://epay.kptm.edu.my/>)

**5) Bagaimana menyemak baki hutang?**

Baki yuran tertunggak boleh disemak melalui portal <http://cmsktn.kptm.edu.my:8000/smp/index2.php>

Pegawai yang bertanggungjawab:

Pn Rohzani bt Zakaria @ Zawawi

Penolong Pengarah Jabatan Kewangan

No Telefon: 09-5366701 samb 238 / Email: rohzani@gapps.kptm.edu.my

## LAIN-LAIN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. **Makmal komputer:** Makmal komputer dan wifi disediakan untuk kegunaan pelajar. Capaian internet boleh dibuat melalui portal wifi KPTM.
2. **Perpustakaan:** Pelajar boleh membuat pinjaman buku-buku rujukan dengan syarat perlu menjadi ahli perpustakaan terlebih dahulu dan membawa kad ID semasa meminjam buku. Pelajar dibenarkan meminjam 8 buah buku selama 2 minggu bagi satu-satu masa. Waktu operasi perpustakaan ialah seperti berikut:

Isnin – Khamis 8.30 pagi – 5.00 petang dan 8.00 malam – 11.00 malam  
Jumaat 8.30 pagi – 12.30 tengahari dan 2.45 petang – 5.00 petang

Setiap pelajar perlu mematuhi SOP yang diarahkan iaitu.

1. Memakai pelitup muka dan membasuh tangan atau menggunakan pensanitasi tangan sebelum masuk.
2. Mematuhi penjarakan sosial. Tidak dibenarkan duduk di kerusi yang bertanda X.
3. Hanya 30 pelajar dibenarkan masuk ke perpustakaan pada satu-satu masa
4. Seorang pelajar dibenarkan berada di perpustakaan selama 3 jam sahaja pada satu-satu masa.
5. Pelajar tidak dibenarkan berkumpul semasa berada di perpustakaan.

3. **Kafeteria:** Kafeteria terletak di dalam kampus dan menyediakan jualan makanan bermasak.

4. **Campus Mart:** Campus Mart ialah koperasi KPTM Kuantan yang terletak di dalam kampus. Koperasi menjual buku-buku rujukan, alat tulis, makanan berbungkus, percetakan, tiket bas, dan pos laju.

5. **ATM:** ATM CIMB terletak di depan pintu masuk KPTM Kuantan

6. Untuk memudahkan pihak kolej menyampaikan pelbagai informasi penting berkaitan pelajar, sila masuk ke group telegram **KPTM Kuantan Intake Julai 2020**. Sila scan QR Code dibawah atau klik di link <https://t.me/akademikgroup>.



**TERIMA KASIH**



## KALENDAR AKADEMIK KPTM SESI JULAI-NOVEMBER 2020 (0720)

KALENDAR AKADEMIK	JULAI - NOVEMBER 2020
PENDAFTARAN PELAJAR KANAN	3 JULAI 2020
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU	4 JULAI 2020
INDUKSI	5 JULAI 2020
KULIAH	6 JULAI 2020 - 14 OGOS 2020 (6 minggu)
CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	16 - 22 OGOS 2020 (1 minggu)
KULIAH (SAMBUNGAN)	24 OGOS 2020 - 16 OKTOBER 2020 (8 minggu)
MINGGU ULANGKAJI	17 - 25 OKTOBER 2020 (9 hari)
PEPERIKSAAN AKHIR	26 OKTOBER 2020 - 8 NOVEMBER 2020 (2 minggu)
MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK	12 - 13 NOVEMBER 2020
MESYUARAT VALIDASI	16 - 17 NOVEMBER 2020
MESYUARAT SENAT	19 NOVEMBER 2020
CUTI SEMESTER	9 - 22 NOVEMBER 2020 (2 minggu)

### JULAI - NOVEMBER 2020

- ❖ 31 Julai 2020 ( Jumaat ) – Aidil Adha
- ❖ 20 Ogos 2020 ( Khamis ) – Awal Muharam
- ❖ 31 Ogos 2020 ( Isnin ) – Hari Merdeka
- ❖ 16 September 2020 ( Rabu ) – Hari Malaysia
- ❖ 29 Oktober 2020 ( Khamis ) – Maulidur Rasul
- ❖ 14 November 2020 ( Sabtu ) – Deepavali

## PETA KAMPUS KOLEJ POLY-TECH MARA KUANTAN

